

20 DEC 1997

Mahathir-harijadi

LAGU ISTIMEWA UNTUK HARIJADI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Kira-kira 700 pegawai dan kakitangan kementerian penerangan dan penglibat industri hiburan berkumpul di Angkasapuri menyanyikan sebuah lagu istimewa untuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyambut harijadinya yang ke 72 hari ini.

Lagu bertajuk "Doktorku" yang dicipta khas Datuk Ahmad Dassilah Pengarah Muzik Radio Televisyen Malaysia dan liriknya hasil ilham Menteri Penerangan Datuk Mohamad Rahmat dinyanyikan sambil Dr Mahathir memotong kek harijadi yang disediakan.

Dr Mahathir melawat Angkasapuri hari ini untuk merakamkan Ucapan Perdana sempena tahun baru 1998 dan merasmikan saluran radio terbaru RTM iaitu Radio 8.

Sebelum itu Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Datuk Zawawi Mahmuddin telah mengetuai kakitangan kementerian dan Presiden Persatuan Penyanyi, Penulis dan Pencipta lagu (Papita) A. Rahman Hassan mengetuai penglibat industri seni menyampaikan ikrar taat setia kepada Perdana Menteri.

Walaupun harijadinya, Dr Mahathir tetap mempunyai jadual yang sibuk hari ini. Beliau akan mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno selepas ini dan pada sebelah petang, beliau akan menerima penajaan bagi kejohanan lumba basikal Le Tour de Langkawi di Kota Permai Golf Resort di Shah Alam.

Berikut adalah lirik lagu "Doktorku":

Syukur pada Ilahi  
Hadirnya Seorang doktor  
di bumi tercinta ini  
yang gigih berjuang

Bersatu kita bersamanya  
Menegak martabat bangsa  
Agar tercapai cita-cita mulia  
keagungan Malaysia

Berjayalah hai doktorku  
kami setia dibelakangmu  
engkau doktor perjuangan  
doa kami untukmu

-- BERNAMA

NI